

# UMS Link sasar kendali pengajian Sarjana Komunikasi

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com

UB 01/03/2012 B5

KOTA KINABALU: UMS Link, sebuah syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS) meletakkan sasaran mengendalikan pengajian peringkat Sarjana Komunikasi secara kerja kursus untuk memenuhi permintaan pelajar bidang berkenaan di Malaysia, Brunei dan Indonesia.

Pengurus Sektor Pendidikan dan Latihan, UMS Link Holdings Sdn Bhd, Rizal Malik berkata penawaran Program Sarjana UMS secara kerja kursus beserta kursus-kursus lain sedia ada akan dilakukan melalui pusat pembelajaran UMS Link di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan juga bakal ditawarkan di Brunei Darussalam dan Kalimantan Timur, Indonesia.

"Kita sentiasa berusaha memperluaskan penawaran program pengajian agar dapat meningkatkan perolehan yang mana 60 peratus daripada pulangan korporat dikembalikan kepada universiti (UMS)," katanya.

Rizal berkata demikian



**KOMPUTER model Apple iMac 21.5" khusus untuk multimedia audio-visual sumbangan UMS Link kepada Sekolah Sains Sosial UMS bagi keperluan praktikal pelajar program komunikasi.**

pada majlis penyerahan lima unit komputer kepada Sekolah Sains Sosial UMS bagi keperluan pembelajaran praktikal kalangan pelajar program komunikasi di sekolah berkenaan.

Komputer model Apple iMac 21.5" bagi kegunaan khusus proses multimedia audio-visual pelajar program komunikasi diterima oleh Dekan Sekolah Sains Sosial, Prof Madya Inon Shaharuddin Abdul Rahman. Turut hadir di majlis itu ialah Pengurus Kanan, Perkhidmatan Korporat, Perundangan dan Governan, UMS Link Holdings, Yusak

Yumboris, Ketua Program Komunikasi Sekolah Sains Sosial, Dr Haryati Abdul Karim dan Profesor Komunikasi Sekolah Sains Sosial, Prof Datuk Dr Hamdan Adnan.

Terdahulu ketika mengalaukan rombongan UMS Link, Inon memberitahu Sekolah Sains Sosial baru saja memperkenalkan penggunaan kelengkapan pengajian bidang komunikasi dengan menempatkan sebuah konti radio dan sebuah studio televisyen.

"Studio ini merupakan kemudahan kajian untuk memproses hasil rakan kajian



**INON (tengah) menerima sumbangan lima unit komputer disampaikan Rizal (kanan). Turut kelihatan Yusak (kiri).**

di lapangan, video komersil, persembahan dan bahan-bahan etnomuzikologi. Hasil proses audio-visual boleh dihantar ke pusat-pusat penerbitan audio-visual di dalam dan luar negeri untuk tujuan penyebaran ilmu dan promosi," katanya sambil menjelaskan setakat ini hanya Sekolah Sains Sosial menempatkan kemudahan seperti itu bagi keperluan

program komunikasi.

Inon menambah, sebagai permulaan pihaknya telah mengadakan 'uji-bakat' kepada kalangan pelajar di sekolah itu dan 20 pelajar telah dikenal

pasti untuk bertugas sebagai penyampai di studio di mana siaran peringkat sekolah ke udara dari jam 8 pagi hingga 6 petang pada setiap hari Isnin hingga Jumaat.